

Dr. M: Nik Aziz suka berbohong

UM 16 NOV 2003

KUALA LUMPUR 15 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sememangnya suka berbohong apabila setiap kata-katanya pasti mempunyai niat yang lain.

Menurut bekas Perdana Menteri, ini kerana Nik Abdul Aziz yang 'berkawan dan telah dirasuk syaitan', sanggup berbohong dan menipu untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Katanya, sikap sedemikian sememangnya adalah cara Pas yang mengamalkan 'kata lain, niat lain.'

"Dia tahu apa yang dia kata itu tidak benar, tetapi niat dia supaya kemudian dia boleh kata kerana dialah, saya letak jawatan," katanya pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang dekat sini hari ini se kembalinya dari luar negara.

Menurut Dr. Mahathir, Menteri Besar Kelantan itu sengaja menyebut sesuatu yang tidak betul

supaya apabila beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri, Nik Abdul Aziz akan mendakwa keputusan itu adalah disebabkan tekanan olehnya.

"Dia kata saya tidak akan bersara tetapi niat dia kalau saya bersara, dia boleh kata saya bersara kerana tekanan dia," kata Dr. Mahathir.

Nik Abdul Aziz sebelum ini berkata, Pas tidak berasa bersalah membuat kenyataan bahawa Dr. Mahathir bersandiwara berhubung hasratnya melepaskan jawatan Perdana Menteri kerana itu adalah satu taktik untuk memaksa beliau berhenti.

Beliau mendakwa jika Pas tidak membesarkan isu itu, Dr. Mahathir akan mengubah keputusan-nya untuk tidak bersara.

"Oleh demikian, kami buat kenyataan bahawa dia sandiwara. Mudah-mudahan dia tak lagi berubah fikiran dia. Kalau dia ubah fikiran dia juga, ertinya dia sandiwara sungguh.

"Mahu tak mahu, dia mesti berhenti sungguh supaya dia tak terperangkap dengan kenyataan kita... Kita berasa lega apabila beliau akhirnya berhenti," kata Nik Abdul Aziz.

Dr. Mahathir berkata lagi, orang yang bersahabat dengan syaitan dan bekerjasama dengan syaitan sanggup berkata apa-apa sahaja.

"Dia kata macam-macam, orang semua nanti ingat dia hendak buat (negara Islam) tetapi bila dia buat sesuatu, niat dia lain," katanya merujuk kepada tindakan Pas melancarkan Dokumen Negara Islam pada Rabu lepas.

"Dia keluar Dokumen (Negara Islam) tetapi bukan bermakna dia hendak buat perkara itu," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, Pas hanya mahu mendapatkan undi dengan menipu rakyat apabila mengumumkan hasrat mendirikan negara Islam.

Dr. Mahathir turut mengulas kesediaan Ketua Penerangan Pas, Datuk Haron Din untuk bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu sekiranya beliau masih mahu menyertai pilihan raya umum akan datang.

Menurut Dr. Mahathir, apabila beliau tidak lagi mahu bertanding, maka Pas akan mendakwa beliau takut kepada Haron menyebabkannya mengambil keputusan sedemikian.

Sikap suka berbohong itu juga

boleh dilihat dalam hubungan Pas dengan DAP apabila Pas menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama kerana mahu mendapatkan sokongan parti itu.

Menurut Dr. Mahathir, beliau mempunyai tugas untuk menjelaskan kepada rakyat bagaimana parti pembangkang itu sanggup melakukan penipuan untuk kepentingan politik mereka.

Pas, katanya, bercita-cita mendirikan kerajaan Islam dengan

menipu rakyat sedangkan mereka tahu tidak akan dapat membuat apa-apa.

Ini kerana Malaysia telah pun menjadi sebuah negara Islam dan diiktiraf oleh dunia, tegas beliau lagi.

"Seluruh dunia mengiktiraf kita sebagai negara Islam dan mereka mahu menjadikan kita model, mereka mahu meniru Malaysia, tidak kata mahu tiru Kelantan ke, Nik Abdul Aziz ke atau kawan syaitan ke," katanya.